

Faks : 237605
 252692
 Tel : KEW.300-1/1/23 Klt.2/(-)
 Bil : 15 Februari 2008
 Tarikh :



KEMENTERIAN KEWANGAN
 Wisma Kewangan
 88593 Kota Kinabalu
 Sabah, Malaysia

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
 Semua Setiausaha Tetap Kementerian,
 Semua Ketua Jabatan Negeri,
 Semua Pegawai Daerah,
 Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.3/2008
 PENGURUSAN PENYENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI**

1. TUJUAN

- 1.1. Maksud surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan semua kementerian/jabatan/ agensi Kerajaan Negeri mengenai keputusan memperkasakan Jabatan Kerja Raya dengan tanggungjawab sebagai Pusat bagi menyenggara semua kenderaan milik Kerajaan Negeri.

2. RASIONAL PELAKSANAAN

- 2.1 Jabatan Kerja Raya dipertanggungjawabkan sebagai Pusat untuk menyenggara semua kenderaan milik kerajaan negeri berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (a) Kemudahan yang sedia ada di daerah seluruh Sabah seperti bengkel, tenaga kerja teknikal yang berkemahiran dan peralatan yang berkaitan akan dapat digunakan secara optima;
- (b) Dapat menyumbang kepada pengurusan kawalan perbelanjaan awam;
- (c) Mempercepatkan pengeluaran Sijil Tak Ekonomi Dibaiki (B.E.R.) jika kenderaan sesuai untuk dilupuskan oleh jabatan berkenaan;

15 Februari 2008

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.3/2008
PENGURUSAN PENYENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI**

- (d) Memudahkan dari segi pengurusan dengan akauntabiliti.
- (e) Pengkalan Data (Data Base) perihal semua kenderaan Kerajaan Negeri untuk tujuan rujukan, rekod dan sebaran dapat diwujudkan dengan lebih kemaskini.

3. PROSEDUR PENYENGGARAAN

- 3.1 Semua permohonan hendaklah menggunakan borang JKR. 1 seperti di lampiran dan boleh perolehi di pejabat Jabatan Kerja Raya seluruh Sabah atau boleh di muat turun melalui laman web/e-mel;
- 3.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada mana-mana pejabat Jabatan Kerja Raya di seluruh Sabah seperti yang disenaraikan di Jadual 1.
- 3.3 Proses penyenggaraan yang terlibat adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual berikut:
 - (a) Jadual 2 – Carta aliran prosedur penyenggaraan kenderaan oleh Jabatan Kerja Raya;
 - (b) Jadual 3 - Carta aliran prosedur penyenggaraan kenderaan oleh bengkel swasta;
 - (c) Jadual 4 - Carta aliran prosedur penyenggaraan kenderaan yang terlibat dengan kemalangan.
- 3.4 Jabatan Kerja Raya boleh memutuskan untuk menggunakan khidmat mana-mana bengkel swasta atau panel bengkel swasta yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, bekalan dan Perkhidmatan (PUKONSA) bagi kerja-kerja penyenggaraan yang memerlukan kepakaran;

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.3/2008
PENGURUSAN PENYENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI**

4. KHIDMAT YANG DISEDIAKAN

- 4.1 Khidmat penyenggaraan yang disediakan adalah seperti dalam lampiran 'C'.

5. JENIS KENDERAAN YANG DISENGGARA

- 5.1 Semua jenis kenderaan kerajaan pacuan empat roda (Toyota Landcruiser, Fortuner, Hilux, Nissan Frontier, Ford Everest dan lain-lain) KECUALI kenderaan Syarikat Angkutan Hebat Sdn. Bhd.
- 5.2 Semua jenis pick-up, van dan lori muatan di bawah enam (6) tan;
- 5.3 Kenderaan berjenama seperti Mercedes, kenderaan berat, jentera, motosikal dan lain-lain yang tidak tersenarai di para 5.1 dan 5.2 mahupun jenis kenderaan yang dinyatakan perlu dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya untuk pengesahan kerosakan sebelum disenggara oleh mana-mana bengkel swasta yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan (PUKONSA).

6. BAYARAN-BAYARAN DIKENAKAN DAN TEMPOH SIAP

- 6.1 Kadar caj perkhidmatan yang ditetapkan ke atas setiap kad kerja penyenggaraan oleh Jabatan Kerja Raya adalah berdasarkan 10% daripada jumlah harga alat-alat ganti dan bahan-bahan berkaitan (consumables) yang diguna.
- 6.2 Kadar caj penggunaan tenaga kerja (Lc) mengikut formula berikut:

$$Lc = \frac{G \times M \times T}{H \times J}$$

- Lc - Kadar Caj Penggunaan Tenaga Kerja
G - Gaji Pokok dan elaun-elaun maksimum seorang Tukang K2 pada Gred R11
M - Bilangan Pekerja diperlukan

KEW.300-1/1/23 Klt.2/()
15 Februari 2008

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.3/2008
PENGURUSAN PENYENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI**

- T - Anggaran tempoh penyiapan dalam unit jam
- H - Purata bilangan hari bekerja dalam sebulan = 22 hari
- J - Purata tempoh bekerja dalam sehari 8 jam

6.3. Tempoh penyiapan akan ditentukan oleh pihak JKR

7. PEMBIAYAAN PENYENGGARAAN

7.1 Semua kementerian/jabatan/agensi kerajaan adalah dikehendaki untuk mengemukakan waran peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya pada setiap awal tahun untuk membiayai kos penyenggaraan kenderaan masing-masing. Jumlah peruntukan berkenaan akan ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dengan berpandukan kepada bilangan kenderaan di setiap kementerian/ jabatan/agensi kerajaan.

8. SENARAI KENDERAAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

- 8.1 Semua kementerian/jabatan/ agensi kerajaan adalah dikehendaki untuk melengkapkan senarai kenderaan/jentera di bawah kawalan masing-masing kepada Jabatan Kerja Raya dengan menggunakan Borang JKR 1 untuk tujuan rujukan dan rekod.
- 8.2 Permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan penyenggaraan kenderaan yang tidak termasuk dalam senarai tersebut tidak akan dilayan.

9. PERKARA-PERKARA AM

- 9.1 Kementerian/Jabatan/agensi adalah bertanggungjawab mengemaskini dan menyimpan rekod setiap penyenggaraan kenderaan dalam kad inventori Daftar Harta Modal Kew. 312.
- 9.2 Jabatan Kerja Raya hendaklah menyediakan Laporan Bulanan Ringkasan Kerja Penyenggaraan Kenderaan yang telah dilaksanakan dan mengemukakannya kepada Kementerian/Jabatan/agensi yang terlibat dan satu salinan kepada Kementerian Kewangan Negeri untuk tujuan rujukan dan rekod.

KEW.300-1/1/23 Kit.2/()
15 Februari 2008

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.3/2008
PENGURUSAN PENYENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI**

- 9.3 Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab menyediakan pengeluaran Sijil Tak Ekonomi Dibaiki (B.E.R.) dengan serta merta dan seterusnya menasihatkan jabatan berkenaan untuk melupuskan kenderaan tersebut berpandukan peraturan kerajaan yang berkuatkuasa bagi mengelakkan risiko susut nilai, kehilangan, keselamatan dan pembaziran wang awam.;
- 9.4. Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab membangun satu sistem Pengkalan Data (Data Base) perihal semua kenderaan Kerajaan Negeri untuk tujuan rujukan, rekod dan sebaran.
- 9.5 Jabatan Kerja Raya hendaklah memastikan setiap kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan kerajaan yang berkuatkuasa.

10. TARIKH KUATKUASA

- 10.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

' JIMAT DAN PRODUKTIF '



(Datuk Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim)
Setiausaha Tetap

BAHAGIAN C LAPORAN PEMERIKSAAN JABATAN KERJA RAYA

Berikut adalah hasil pemeriksaan JKR terhadap kenderaan di atas:-

Tandatangan Pegawai Pemeriksa : _____ Tarikh : _____
Nama dan Jawatan : _____

BAHAGIAN D PEMERIKSAAN PEMBAIKAN (Diisi oleh Jabatan Kerja Raya)

Kenderaan di atas telah siap di baiki pada _____
Bengkel : _____
No. Invois : _____
Kos : _____
Disahkan Oleh : _____
Nama dan Jawatan : _____ Tarikh : _____

JADUAL 1**LOKASI, ALAMAT DAN NOMBOR TELEFON
PEJABAT JABATAN KERJA RAYA SELURUH SABAH**

BIL	DAERAH	LOKASI PEJABAT	ALAMAT PEJABAT	NO. TELEPON
1.	Kota Kinabalu	Pusat Servis Kenderaan	Bahagian Pusat Servis Kenderaan, JKR, Putatan	088 475967
2.	Keningau	Jurutera Jentera JKR, Keningau	Jurutera Daerah, Bahagian Jurutera Jentera, JKR Keningau	087 331717
3.	Sandakan	Jurutera Mekanikal, JKR Sandakan	Jurutera Daerah Bahagian Mekanikal, JKR, Sandakan	087 215460 089 273733 Fax 089 273112
4.	Tawau	Jurutera Mekanikal, JKR, Tawau, KM 6/ Batu 4, Jalan Apas	Jurutera Daerah, Bahagian Mekanikal, JKR, Tawau	089 912841 Fas 089 912841
5.	Kudat	Jurutera Mekanikal JKR, Kudat	Jurutera Daerah, Bahagian Mekanikal, JKR, Ranau	088 612615/611633 Fax 088 612722
6.	Ranau	Pegawai Penguasa Bengkel JKR Ranau	Jurutera Daerah Bahagian Mekanikal, JKR, Ranau	088 875611/875612 088 875613 Fax 088 875260
7.	Beaufort	Jurutera Mekanikal JKR, Beaufort	Jurutera Daerah, Bahagian Mekanikal JKR, Beaufort	087 212264 Fax 087 212036














**LOKASI, ALAMAT DAN NOMBOR TELEPON
PEJABAT JABATAN KERJA RAYA SELURUH SABAH**

BIL	DAERAH	LOKASI PEJABAT	ALAMAT PEJABAT	NO. TELEPON
8.	Kota Belud	Pegawai Penguasa Bengkel, JKR, Kota Belud	Jurutera Daerah, Bahagian Mekanikal, JKR Kota Belud.	088 976518 / 976524 Fax 088 976977
9.	Lahad Datu	Pegawai Penguasa Bengkel, JKR, Lahad Datu, Batu 3, Jalan Segama, 91107 Lahad Datu.	Jurutera Daerah, Bahagian Mekanikal, JKR, Lahad Datu.	089 883434 Fax 089 884201
10.	Kota Marudu	Peawai Penguasa Bengkel, JKR, Kota Marudu.	Jurutera Daerah, Bahagian Mekanikal, JKR, Kota Kinabalu.	088 661387 Fax 088 661354
11.	Kuala Penyu	Jurutera Daerah, JKR, Kuala Penyu.	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Kuala Penyu.	087 884131/881381 Fax 088 884216
12.	Kunak	Jurutera Daerah, JKR, Kunak.	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Kunak.	089 851700/701 Fax 089 851854
13.	Papar	Jurutera Daerah JKR, Papar	Jurutera Daerah Bahagian Bengkel JKR, Papar	088 912233/912234/912235 Fax 088 913457

**LOKASI, ALAMAT DAN NOMBOR TELEPON
PEJABAT JABATAN KERJA RAYA SELURUH SABAH**

BIL	DAERAH	LOKASI PEJABAT	ALAMAT PEJABAT	NO. TELEPON
14.	Sipitang	Jurutera Daerah, JKR, Sipitang.	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Sipitang	087 824113
15.	Tambunan	Jurutera Daerah JKR Tambunan	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Tambunan	087-774122/123 Fax 087-774915
16.	Tenom	Jurutera Daerah JKR Tenom	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Tenom	087-735440/ 735441/735524 Fax 087-736106
17.	Tuaran	Jurutera Daerah JKR Tuaran	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Tuaran	088-788597 Fax 088-788389
18.	Pitas	Jurutera Daerah JKR Pitas	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Pitas	088-613733
19.	Beluran	Jurutera Dearer JKR Beluran	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Beluran	089-511380/511206 Fax 089-511181
20.	Telupid	Jurutera Dearer JKR Telupid	Jurutera Daerah, Bahagian Bengkel, JKR, Telupid	089-521750 Fax 089-521753

CARTA ALIRAN PROSES PENYELENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN DI JABATAN KERJA RAYA

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	 <p>Kenderaan mengalami kerosakan</p>	
2	 <p>Borang Aduan diisi</p>	Jabatan Berkenaan
3	 <p>Borang Aduan yang lengkap bersama kenderaan</p>	Jabatan Berkenaan
4	 <p>Rekod kenderaan disemak dan pemeriksaan fizikal atau uji-pandu dilakukan.</p>	JKR
5	 <p>Jenis kerosakan di bawah kawalan</p>	JKR
6	 <p>Kad Kerja dibuka dan anggaran kos penyelenggaraan dibuat.</p>	JKR
7	 <p>Peruntukan jabatan pengguna kenderaan disemak</p>	JKR
8	 <p>Peruntukan mencukupi ?</p>	JKR
9	 <p>Kerja-kerja penyelenggaraan</p>	JKR
10	 <p>Kenderaan diuji-pandu dan kesempurnaan kerja penyelenggaraan disahkan</p>	JKR
11	 <p>Kemaskini Buku Vot dan hantar salinan kepada Jabatan Berkenaan setiap bulan.</p>	JKR
12	 <p>Kemaskini rekod berpanduan Lampiran B</p>	Jabatan Berkenaan
	 <p>Tamat</p>	












Sediakan surat perakuan kerosakan dan kebenaran untuk penyelenggaraan di bengkel swasta

Pemandu menghantar kenderaan ke bengkel swasta untuk diselenggara kerosakan yang diperaku oleh JKR

Kenderaan ,Invois & komponen rosak yang diganti dibawa ke JKR untuk pemeriksaan















CARTA ALIRAN PROSEDUR PENYELENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN DI BENGKEL SWASTA

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	 <p>Kenderaan mengalami kerosakan</p>	
2	 <p>Isi Borang dan bawa kenderaan ke JKR</p>	Jabatan Berkenaan
3	 <p>Rekod kenderaan disemak dan pemeriksaan fizikal atau uji-pandu dilakukan.</p>	JKR
4	 <p>Sediakan surat perakuan kerosakan dan kebenaran untuk penyelenggaraan di bengkel swasta</p>	JKR
5	 <p>Pemandu bawa kenderaan ke bengkel swasta untuk diselenggara</p>	Jabatan Berkenaan
6	 <p>Kenderaan, Invois & komponen rosak yang diganti dibawa ke JKR untuk pemeriksaan</p>	JKR
7	 <p>Kenderaan diuji-pandu dan kesempurnaan kerja penyelenggaraan disahkan</p>	JKR
8	 <p>Kenderaan, invois dan surat pengesahan diserahkan kepada pemandu</p>	JKR/Jabatan Berkenaan
9	 <p>Kemaskini fail /rekod kenderaan</p>	Jabatan Berkenaan
10	 <p>Sediakan pembayaran</p>	Jabatan Berkenaan
11	 <p>Tamat</p>	

JADUAL 4.

CARTA ALIRAN PROSEDUR UNTUK MENGENDALIKAN KES KEMALANGAN KENDERAAN KERAJAAN

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	 <p>Kenderaan terlibat kemalangan jalanraya</p>	
2	 <p>Laporan kepada polis</p>	Jabatan berkenaan
3	 <p>Isikan borang 'vehicle Accident Report' (VAR)</p>	Jabatan berkenaan/ Jabatan Kerja Raya
4	<p>Prosedur pelupusan berpandukan kepada Surat Pekeliling Bil. 1/2007 dan 2/2007.</p>  <p>Kemukakan laporan VAR dan salinan laporan polis kepada MOF</p>	
5	 <p>Kenderaan masih ekonomi dibaiki</p>	Jabatan berkenaan
6	<p>Tidak</p>  <p>Dapatkan surat kebenaran dari JKR dan hantar ke bengkel swasta</p>	Jabatan berkenaan
7	<p>Ya</p>  <p>Hantar ke JKR untuk pemeriksaan kesempurnaan</p>	Jabatan berkenaan
8	 <p>Kenderaan, invoice dan surat pengesahan diserahkan kepada pemandu</p>	Jabatan berkenaan
9	 <p>Kemaskini fail /rekod kenderaan</p>	Jabatan berkenaan/ Jabatan Kerja Raya
10	 <p>Sediakan pembayaran</p>	Jabatan berkenaan/ Jabatan Kerja Raya
11		Jabatan berkenaan/ Jabatan Kerja Raya
12	 <p>Tamat</p>	Jabatan berkenaan

SENARAI PENYELENGGARAAN/PEMBAIKAN YANG DIKENDALIKAN OLEH JABATAN KERJA RAYA

Bil.	Jenis Pembaikan	KK	TWU	SDK	KEN	KDT	BFT	K/B	RNU	L/D	TBN	KM	SPT	BLN	TPD	TM	PAP
1	General servicing	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
2	Brake System	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
3	Clutch System	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
4	Suspension System	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
5	Electrical System	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
6	Tyre Changing	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
7	Steering System	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
8	Cooling System	X	X	X	X	X	X	X	-	-	-	-	-	-	-	-	-
9	Engine Oil Top-Up	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
10	Gearbox Cheek/Top-Up	X	X	X	X	X	X	X	-	-	-	-	-	-	-	-	-

NOTA:

- KK : Kota Kinabalu
- TWU : Tawau
- SSDK : Sandakan
- KEN : Keningau
- KDT : Kudat
- BFT : Beaufort
- K/B : Kota Belud
- RNU : Ranau
- L/D : Lahad Datu
- TBN : Tambunan
- KM : Kota Marudu
- SPT : Sipitang
- BLN : Beluran
- TPD : Telupid
- TRN : Tuaran
- PAP : Papar